

4,381 penduduk terpaksa dipindahkan ke 27 pusat pemindahan sementara

Bah di Sarawak semakin buruk

Oleh NOR AZIRAN YUNUS

KUCHING – Keadaan banjir di negeri ini semakin buruk apabila seramai 4,381 mangsa daripada 1,221 keluarga dipindahkan ke 27 pusat pemindahan sementara daerah ini, Bau, Padawan, Serian dan Kota Samarahan semalam.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Siti Huzaimah Ibrahim berkata, jumlah yang direkodkan sehingga pukul 5 petang itu meningkat berbanding hanya seramai 2,869 penduduk daripada 779 keluarga dipindahkan ke 22 pusat pemindahan

banjir pada sebelah pagi.

Katanya, sebanyak lapan pusat pemindahan banjir dibuka di daerah ini dan Bau merupakan kawasan paling teruk terjejas.

“Satu pusat pemindahan banjir telah dibuka di Padawan dan masing-masing lima di Serian serta Kota Samarahan.

“Dua pusat pemindahan di Bau iaitu di Dewan Gereja St. Mary Bogag dan Gereja St. Paulus bagaimanapun telah ditutup pukul 8 dan 10 pagi tadi (semalam) apabila keadaan kembali pulih,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Sementara itu, jurucakap Jabatan Pendidikan Sarawak berkata, sebanyak 16 buah sekolah di daerah Bau, Padawan dan Serian terjejas akibat banjir.

Katanya, empat buah sekolah lagi iaitu tiga di Padawan dan satu di Bau dijadikan pusat pemindahan sementara yang menempatkan 1,049 mangsa daripada 358 keluarga.

“Pegawai Pendidikan Daerah terlibat akan memantau keadaan banjir di sekolah terjejas dan akan mengumumkan penutupan sekolah pada esok (hari ini) jika keadaan bertambah buruk,” katanya.



TIGA anggota bomba sedang membantu memindahkan seorang warga emas yang uzur selepas rumahnya dinaiki air sedalam satu meter di Kampung Surik, Stapok, Kuching semalam.